



**GARIS PANDUAN  
PENYELIDIK PASCA DOKTORAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(PINDAAN 3 TAHUN 2023)**

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

2023

## **KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Bahagian 1	
1.1	Latar Belakang	2
1.2	Tujuan	2
1.3	Syarat Kelayakan Permohonan	2
1.4	Bidang Tugas dan Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat	3
1.5	Penetapan Imbuhan / Gaji	5
1.6	Penyetaraan	5
1.7	Kemudahan	5
1.8	Kriteria Kelayakan Penyelia	7
1.9	Penerbitan, Harta Intelek dan Hasil Pengkomersialan (Royalti)	7
1.10	Panduan Umum	7
1.11	Keperluan Dokumen	8
2.	Bahagian 2	
2.1	Pelaksanaan Projek Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi	9
3.	Bahagian 3	
3.1	Pemberitahuan Keputusan dan Dokumen Perjanjian	10
3.2	Permohonan Permit / Visa Profesional	10
4.	Bahagian 4	
4.1	Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat	11
4.2	Pemberhentian oleh Penyelidik Pasca Doktorat	11
5.	Bahagian 5	
5.1	Kaedah Lapor Diri	12
6.	Bahagian 6	
6.1	Bidang Tugas dan Keahlian Jawatankuasa Pemilih Pasca Doktorat	13

## BAHAGIAN 1

### 1.1 Latar Belakang.

- a. Garis Panduan Penyelidik Pasca Doktor ini disediakan bagi membantu Fakulti/Pusat/Institut/Akademi mengemukakan permohonan dengan lebih mudah untuk melantik lepasan doktor falsafah (Pasca Doktor) yang akan menjalankan penyelidikan sepenuh masa.
- b. Garis Panduan ini adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan Pasca Doktor UMS yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali ke-49 pada 14 November 2011 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali ke-65 pada 17 Mac 2015 dan pindaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Mesyuarat Penyelidikan dan Inovasi Bil.6/2023 (Kali -105) pada 21 Julai 2023.

### 1.2 Tujuan.

Skim ini bertujuan,

- a. Melonjakkan tahap pencapaian penyelidikan universiti ke peringkat atau kedudukan yang lebih tinggi; dan
- b. Memantapkan tujahan penyelidikan serta kumpulan penyelidik menerusi pelantikan berterusan Penyelidik Pasca Doktor dan diharap dapat menyumbang kepada peningkatan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan negara.

### 1.3 Syarat Kelayakan Permohonan.

- a. Terbuka kepada penyelidik warganegara Malaysia yang telah mempunyai Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Doktor Falsafah tidak melebihi 10 tahun;
- b. Terbuka kepada penyelidik warga asing yang telah mempunyai Ijazah Sarjana Doktor Falsafah dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia tidak melebihi 10 tahun;
- c. Tempoh pelantikan adalah dari satu (1) hingga dua (2) tahun. Tempoh pelantikan selepas dua (2) tahun adalah dibenarkan dengan menggunakan Dana Penyelidikan

Luar serta menunjukkan kecemerlangan dalam prestasi mengikut KPI yang telah disasarkan selama dalam tempoh pelantikan.

- d. Pemohon telah menerbitkan kertas penerbitan dalam *Citation Indexed Journals* (CIJ) iaitu sekurang- kurangnya mempunyai:

<b>Gred</b>	<b>Bil. Penerbitan</b>	<b>Sekurang-kurangnya menerbitkan dalam (Q1-Q3)</b>
PDUMS 10	5 CIJ (Bidang Sains dan Teknologi) 3 CIJ (Bidang Sains Sosial)	Q1-Q3 – 2 Q1-Q3 – 1
PDUMS 9	10 CIJ (Bidang Sains dan Teknologi) 6 CIJ (Bidang Sains Sosial)	Q1-Q3 – 4 Q1-Q3 – 2
PDUMS 8	15 CIJ (Bidang Sains dan Teknologi) 9 CIJ (Bidang Sosial)	Q1-Q3 – 6 Q1-Q3 – 3

- e. Kelulusan / pencapaian Kelulusan / pencapaian akademik hendaklah mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah yang baik berasaskan hasil penyelidikan.
- f. Penyelidikan - mempunyai prestasi penyelidikan yang cemerlang.
- g. Pengetahuan dan pengalaman dalam bidang penyelidikan bidang tujuhan yang berkaitan.
- h. Penerbitan — diukur melalui penghasilan buku dan artikel dalam jurnal berimpak tinggi (CIJ).
- i. Pemohon mestilah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit dan penyakit kronik.

#### 1.4 Bidang Tugas Dan Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktor.

- a. Tugas dan Tanggungjawab.
- i. Menjalankan kerja penyelidikan sepenuh masa dalam projek yang dikenal pasti atau yang sedia ada di Fakulti/Pusat/Institut/ Akademi.

- ii. Menyediakan Kertas Kerja Penulisan Permohonan Geran Luar beserta bukti penghantaran permohonan dimana Penyelia adalah sebagai Penyelidik Utama dan Pasca Doktorat sebagai penyelidik bersama dalam tempoh lantikan.
- iii. Menghasilkan sekurang-kurangnya penerbitan dalam jurnal berimpak CIJ **dalam setahun** (Q1 -Q3) mengikut gred seperti berikut;

<b>BIDANG</b>	<b>PDUMS10</b>	<b>PDUMS9</b>	<b>PDUMS8</b>
Sains dan Teknologi	<b>3</b> WoS / Scopus	<b>4</b> WoS / Scopus	<b>5</b> WoS / Scopus
Sains Sosial	<b>2</b> WoS / Scopus dan <b>1</b> MyCite / Laporan Teknikal / Kertas Polisi	<b>3</b> WoS / Scopus dan <b>1</b> MyCite / Laporan Teknikal / Kertas Polisi	<b>4</b> WoS / Scopus dan <b>1</b> MyCite / Laporan Teknikal / Kertas Polisi

- iv. Membantu mempromosikan, membangun dan mendaftar hasil dapatan kajian sebagai Harta Intelek dan menyertakan pembuktian pendaftaran harta intelek (sekiranya ada).
  - v. Membantu membangunkan jaringan / rangkaian penyelidikan dengan pihak luar sama ada dalam bentuk Penerbitan bersama, Penghasilan Harta Intelek bersama, Penganjuran Persidangan / Seminar / Kursus / Bengkel bersama atau perjanjian (sama ada dalam bentuk Memorandum Perjanjian (MoA) / Memorandum Persefahaman (MoU) / Perjanjian Penyelidikan (RA) / Surat Perjanjian (LoA)
  - vi. Membantu penyeliaan pelajar Pasca siswazah.
- b. Tugas penyelidik pasca Doktorat adalah sepenuh masa dan tidak dibenarkan membuat kerja lain serta memegang apa-apa tugas luar tanpa kelulusan Pusat Pengurusan Penyelidikan agar Penyelidik Pasca Doktorat dapat menumpukan sepenuh masa di dalam tugas penyelidikan yang dijalankan.

- c. Penyelidik Pasca Doktorat yang ditugaskan menjalankan kerja penyelidikan tertentu dikehendaki menyerahkan penemuan dan hasil penelidikannya di dalam tempoh enam (6) bulan bermula tarikh lantikan dengan mengisi Borang Penilaian Prestasi UMS/PPP/PD/BR3.

#### 1.5 Penetapan Imbuhan / Gaji Permulaan.

- a. Penetapan Imbuhan Permulaan / Gaji boleh dipertimbangkan berdasarkan bilangan penerbitan keseluruhan dalam CIJ yang diterbitkan berdasarkan penetapan mengikut gred jawatan seperti berikut;

<b>Gred</b>	<b>Gaji (RM) &amp; Bil. Penerbitan</b>
PDUMS10	<b>RM5,000.00</b> 5 CIJ (Bidang Sains dan Teknologi) 3 CIJ (Bidang Sains Sosial)
PDUMS9	<b>RM5,500.00</b> 10 CIJ (Bidang Sains dan Teknologi) 6 CIJ (Bidang Sains Sosial)
PDUMS8	<b>RM6,000.00</b> 15 CIJ (Bidang Sains dan Teknologi) 9 CIJ (Bidang Sains Sosial)

\* Kriteria ini adalah terpakai bagi pembiayaan Penyelidik Pasca Doktorat yang menggunakan peruntukan Universiti.

#### 1.6 Penyetaraan.

Walau bagaimanapun, penyetaraan penerbitan seperti yang berikut adalah digunakan dalam proses **Pelantikan Baharu** dan **Pelantikan Semula** seperti berikut;

<b>CIJ</b>	<b>Scopus</b>
1-Q1	2-Q1 atau 3-Q2 atau 4-Q3
1-Q2	1-Q1 atau 2-Q2 atau 3-Q3
1-Q3	1-Q2 atau 2-Q3

#### 1.7 Kemudahan.

- a. Kemudahan Perubatan – Untuk diri sendiri sahaja, sama ada di klinik Panel Universiti Malaysia Sabah atau Hospital Kerajaan;
- b. Tuntutan pembiayaan kos visa dan permit kerja (untuk diri sendiri sahaja);
- c. Urusan Imigresen oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar;
- d. Kemudahan Cuti 25 hari setahun;
- e. Kemudahan pejabat/makmal oleh Fakulti / Pusat / Institut / Akademi;
- f. Kad Pekerja
- g. Kemudahan Perpustakaan

\* Lain-lain kemudahan / tuntutan yang tidak dinyatakan adalah tidak disediakan.

#### 1.8 Kriteria Kelayakan Penyelia.

- a. Mempunyai Geran Penyelidikan sebagai **Ketua Projek** yang aktif berjumlah;
  - i. RM100,000 dan ke atas – Bidang Sains dan Teknologi
  - ii. RM30,000 dan ke atas – Bidang Sains Sosial
- b. Keutamaan diberikan kepada projek penyelidikan dari dana luar (swasta, kebangsaan atau antarabangsa).
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) orang penyeliaan pelajar Ijazah Sarjana Doktor Falsafah yang telah bergraduat.
- d. Mempunyai pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah semasa pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat kerana Penyelidik Pasca Doktorat yang bertujuan bagi membantu dalam bidang penyelidikan yang tidak mempunyai kepakaran di Universiti Malaysia Sabah;
- e. Telah menerbitkan kertas penerbitan dalam *Citation Indexed Journal* (CIJ) bagi tempoh lima tahun ke belakang iaitu sekurang-kurangnya menerbitkan 10 hingga 15

kertas penerbitan (sekurang-kurangnya 40% daripadanya adalah sebagai Penulis Penghubung, *Corresponding Author*).

- f. Penyelia hendaklah berjawatan Profesor Madya dan ke atas.

#### 1.9 Penerbitan, Harta Intelek dan Hasil Pengkomersialan (Royalti).

- a. Penerbitan.

Semua hasil penerbitan Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah dimasukkan nama Universiti sebagai penggabungan (*affiliation*) dan diterbitkan bersama Penyelia. Hasil penyelidikan adalah menjadi hak mutlak Universiti.

- b. Harta Intelek.

Hak permilikan Harta Intelek adalah hak milik UMS. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Garis Panduan Harta Intelek di UMS adalah diguna pakai. Namun begitu segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab UMS.

- c. Hasil Pengkomersialan (Royalti).

Hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada di UMS. Rujuk Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan Univeristi Malaysia Sabah berhubung dengan perkara ini.

#### 1.10 Panduan Umum.

- a. Permohonan adalah dibuka sepanjang tahun berdasarkan takwim dan tertakluk kepada peruntukkan kewangan Universiti.
  - b. Borang-borang berkaitan Penyelidik Pasca Doktorat boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Pengurusan Penyelidikan ([www.ums.edu.my/ppp](http://www.ums.edu.my/ppp)).
  - c. Permohonan hendaklah mendapat pengesahan dan kelulusan oleh Dekan / Pengarah sebelum dokumen lengkap di hantar ke Urus Setia Pasca Doktorat Pusat Pengurusan Penyelidikan.
-



- d. Pengesahan pelantikan Penyelidik Pasca Doktor akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi untuk pemakluman.
- e. Surat Tawaran Pelantikan, Borang Perjanjian dan Syarat-syarat Perkhidmatan akan dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah kepada pemohon yang berjaya.
- f. Penyelidik Pasca Doktor yang menerima tawaran pelantikan perlu memberi jawapan Setuju Terima Tawaran dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.
- g. Bagi tujuan pelantikan semula Penyelidik Pasca Doktor hendaklah mengisi dan melengkapkan Borang Permohonan Pelantikan Semula Penyelidik Pasca Doktor (UMS/PPP/PD/BR2) dan hendaklah dimajukan kepada Sekretariat Penyelidik Pasca Doktor Pusat Pengurusan Penyelidikan **tiga (3) bulan** sebelum tarikh lantikan tamat.
- h. Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan berhak meminta dokumen / laporan tambahan berkaitan prestasi sepanjang perkhidmatan di Universiti Malaysia Sabah.

#### 1.11 Keperluan Dokumen.

Dokumen wajib yang perlu disediakan semasa mengemukakan permohonan adalah;

- a. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia bagi warganegara Malaysia;
- b. Salinan muka surat nombor pasport yang telah disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi bukan warganegara;
- c. *Curriculum Vitae* pemohon terkini yang mengandungi;
  - a. Lampiran senarai penerbitan (Jurnal / artikel / tesis)
  - b. Maklumat pengalaman berkerja / penyelidikan
  - c. Anugerah
- d. Cadangan penyelidikan untuk tempoh dua (2) tahun yang mengandungi;

- a. Objektif penyelidikan
  - b. Metodologi penyelidikan
  - c. Pelan Kerja
  - d. Jangkaan hasil penyelidikan
- e. Dua (2) keping gambar berwarna bersaiz pasport yang terkini;
- f. Salinan siji-sijil akademik (Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah / Surat Kelulusan Senat) yang telah disahkan oleh pihak Universiti atau mana-mana Pegawai Kerajaan dikalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

## BAHAGIAN 2

### 2.1 Pelaksanaan Projek Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi.

- a. Penyelidik Pasca Doktorat yang telah dilantik hendaklah menjalankan penyelidikan sebagaimana cadangan penyelidikan (*research proposal*) yang dikemukakan dan dipersetujui oleh penyelia serta mengikuti jadual tempoh pelaksanaannya.
- b. Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan sepanjang tempoh lantikan.
- c. Laporan petunjuk prestasi hendaklah dikemukakan oleh pemohon tiga (3) bulan sebelum tamat kontrak perkhidmatan Penyelidik Pasca Doktorat.
- d. Laporan petunjuk prestasi adalah pengukuran yang digunakan untuk dipertimbangkan bagi permohonan perlantikan semula (sekiranya ada).
- e. Sekiranya KPI yang telah diberikan tidak tercapai, maka pihak universiti boleh untuk tidak menyambung perkhidmatan penyelidik Pasca Doktorat.
- f. Data penyelidikan yang telah digunakan perlu dikembalikan kepada pihak universiti.

## BAHAGIAN 3

### 3.1 Pemberitahuan Keputusan dan Dokumen Perjanjian

- a. Keputusan permohonan lantikan Penyelidik Pasca Doktor akan dimaklumkan kepada calon dan penyelia melalui Dekan / Pengarah Fakulti / Pusat / Institut / Akademi yang berkenaan. Satu salinan surat tawaran dan perjanjian akan dimajukan kepada Penyelia Projek, Pejabat Dekan/ Pengarah Fakulti / Pusat / Institut / Akademi, Jabatan Bendahari dan Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- b. Penyelidik Pasca Doktor diminta memahami dan bersetuju dengan syarat yang telah dinyatakan dalam surat tawaran dan Kontrak Perjanjian dengan memberikan sesalinan Borang Persetujuan Penerimaan dan hendaklah dikembalikan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan untuk tindakan selanjutnya.
- c. Pembayaran imbuhan / gaji akan dibuat oleh Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah pada setiap bulan bekerja berdasarkan surat arahan bayaran yang dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.
- d. Pembayaran imbuhan / gaji akan diberhentikan apabila khidmat Penyelidik Pasca Doktor ditamatkan atau tempoh perkhidmatannya telah berakhir.
- e. Kemudahan lain tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan oleh pihak pengurusan Fakulti/Pusat/Institut/Akademi termasuk imbuhan dan kemudahan lain yang berkaitan seperti pengangkutan dan perjalanan boleh dipertimbangkan untuk diberi kepada Penyelidik Pasca Doktor sebagai insentif tambahan dari Fakulti/Pusat/Institut/Akademi sendiri walaupun perkara ini tidak dimasukkan di dalam butiran peruntukan. Geran projek penyelidikan penyelia boleh juga digunakan untuk menampung keperluan kos dan kemudahan penyelidikan yang diperlukan untuk Penyelidik Pasca Doktor mengikut garis panduan sedia ada.

### 3.2 Permohonan Permit / Visa Profesional.

- a. Permohonan permit / visa profesional akan dibantu oleh Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar dengan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan bagi urusan yang berkenaan.

## BAHAGIAN 4

### 4.1 Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktor.

Berikut adalah tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktor berhubung dengan pelantikannya:

- a. Memaklumkan kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dengan mengembalikan Surat Penerimaan Lantikan dalam tempoh **dua puluh satu (21) hari**.
- b. Menandatangani Kontrak Perjanjian Perkhidmatan dengan mematuhi butir-butir peraturan dan perjanjian yang ditandatangani di antara Penyelidik Pasca Doktor dengan pihak universiti.
- c. Memastikan mempunyai Visa dan Permit Kerja sebelum melaporkan diri untuk mula bertugas di Universiti Malaysia Sabah (warga asing sahaja).
- d. Sebarang kemudahan tuntutan yang tidak dinyatakan dalam Garis Panduan dan Kontrak Perjanjian adalah tidak dibenarkan mengemukakan apa-apa tuntutan / bayaran kepada pihak universiti selain bayaran yang dipersetujui dalam surat tawaran pelantikan.

### 4.2 Pemberhentian oleh Penyelidik Pasca Doktor.

- a. Penyelidik Pasca Doktor hendaklah memberi **satu (1) bulan** notis pemberitahuan berhenti kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan sesalinan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan melalui Penyelia dan Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut/Akademi atau membayar satu (1) bulan imbuhan.

## BAHAGIAN 5

### 5.1 Kaedah Lapor Diri

- a. Keperluan dokumen untuk permohonan Visa
  - i. Surat Tawaran;
  - ii. Surat Akuan Penerimaan Tawaran Pekerjaan;
  - iii. Kontrak Perjanjian (dua salinan) yang telah ditandatangani dan telah dimatikan setem;
  - iv. Pasport yang mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya setahun.
  
- b. Keperluan dokumen untuk lapor diri di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.
  - i. Pasport yang telah mendapat pelekat visa profesional;
  - ii. Kontrak Perjanjian (dua salinan) yang telah ditandatangani dan telah dimatikan setem;
  - iii. Laporan Pemeriksaan Kesihatan;
  - iv. Borang Akuan Kerahsiaan dan Borang Akuan Sumpah yang telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah;
  - v. Borang Kredit Saraan;
  - vi. Penyata KWSP dan Cukai Pendapatan (jika berkenaan); dan
  - vii. *Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer* yang telah dilengkapkan.
  
- c. Keperluan dokumen untuk lapor diri di Fakulti/Pusat/Institut/Akademi;
  - i. Pasport yang telah mendapat pelekat visa profesional;
  - ii. Borang Aku Janji (perlu dilengkapkan dihadapan Ketua Jabatan dan satu (1) dikembalikan kepada Bahagian Sumber Manusia)

- iii. Kontrak Perjanjian (dua salinan) yang telah ditandatangani dan telah dimatikan setem; dan
- iv. *Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer.*
- v. Borang pengesahan lapor diri (dilengkapkan oleh Penyelia dan disahkan oleh Dekan/Pengarah di Fakulti/Pusat/Institut/Akademi masing-masing).

## BAHAGIAN 6

### 6.1 Bidang tugas dan keahlian Jawatankuasa Pemilih Pasca Doktoral

- a. Bidang Tugas Jawatankuasa
  - i. Mengesahkan kelayakan calon dari segi kepakaran penyelidikan;
  - ii. Keperluan kepakaran calon serta sumbangan kepada tujuan penyelidikan Universiti;
  - iii. Menentukan kategori bayaran emolumen Penyelidik Pasca Doktoral.
- b. Keahlian Jawatankuasa.
  - i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - ii. Pendaftar Universiti Malaysia Sabah atau Wakil
  - iii. Bendahari Universiti Malaysia Sabah atau Wakil
  - iv. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan
  - v. Pakar yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon Penyelidik Pasca Doktoral
  - vi. Dekan Fakulti / Akademi / Pengarah Institut (jika perlu)